

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Kesihatan Awam U1, U2, U3, U4.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan di dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (*Control and Prevention – Primary Health Care Approach*).

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)**

- a. Penyeliaan ke atas pembinaan sistem pelupusan air limbah dan sisa pepejal.
- b. Pengawasan mutu air minum luar bandar.
- c. Terlibat dalam aktiviti pengawasan dan perlindungan alam sekitar.
- d. Bertanggungjawab menyimpan dan mengemas kini rekod-rekod, stok bahan-bahan dan peralatan.

#### **4.2 Kawalan Penyakit Berjangkit**

- a. Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan dalam pengawalan penyakit berjangkit serta melaporkan apa-apa kejadian luar biasa penyakit.
- b. Membantu dalam pengawalan wabak penyakit berjangkit yang melibatkan aktiviti seperti disinfeksi dan lain-lain.
- c. Mengesan penyakit berjangkit secara aktif.

#### 4.3 Kawalan Penyakit Bawaan Vektor

- a. Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.
- b. Membantu dalam kerja-kerja pencegahan dan pengawalan penyakit bawaan vektor.
- c. Mengesan penyakit bawaan vektor secara aktif.
- d. Menjalankan tinjau alam dalam kawasan gerak kerja.
- e. Melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan.
- f. Menyediakan laporan-laporan aktiviti harian, minggu, bulanan dan tahunan.
- g. Bertanggungjawab menyimpan dan mengemas kini rekod-rekod stok bahan-bahan dan peralatan.

#### 4.4 Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

- a. Mengambil sampel-sampel bekalan air dari punca-punca sistem bekalan air luar bandar Kementerian Kesihatan dan ladang-ladang.
- b. Persampelan air dari bekalan air awam (JBA-JKR) bagi mengukur keasidan dan kealkalian.

#### 4.5 Keselamatan dan Kualiti Makanan

- a. Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan menjalankan aktiviti pensampelan makanan.
- b. Menyedia dan mengemas kini Daftar Premis Makanan (*Food Premise Register*) dan Pengendali Makanan (*Food Handlers*) di kawasan gerak kerja.
- c. Membantu menjalankan penyiasatan kes keracunan makanan dan menghantar kompaun atau saman.

#### 4.6 Perundangan dan Penguatkuasaan

- a. Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan dalam semua aspek kerja berkaitan dengan Unit Siasatan dan Pendakwaan.
- b. Membantu dalam penyimpanan barang-barang eksibit.

- c. Membantu dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan, penutupan dan operasi penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam.
- d. Menghantar dan menyempurnakan notis dan saman.
- e. Membantu dalam penyediaan laporan secara berkala.

#### 4.7 Kesihatan Am

- a. Mengadakan pemeriksaan susulan ke atas ladang/ lombong/ sekolah selepas pemeriksaan awal oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan berkaitan dengan pelupusan sisa pepejal, najis dan air perlimbahian.
- b. Memberi maklum balas mengenai pembuangan sisa toksid dan punca-punca pencemaran alam sekitar di kawasan gerak kerja.
- c. Mengambil bahagian dalam kerja-kerja kawalan dan pencegahan semasa dan selepas bencana alam.

### 5. HUBUNGAN KERJA

#### Dalaman

- a. Anggota di bahagian/ unit yang sama.
- b. Anggota di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

#### Luaran

- a. Komuniti.
- b. Jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
- c. Pekerja.

### 6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Berpengetahuan dalam bidang kesihatan awam iaitu kawalan penyakit berjangkit, kawalan vektor, keselamatan dan kualiti makanan, BAKAS dan KMAM.
- b. Berpengalaman memahami dan melaksanakan tugas mengikut aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Berketerampilan dan berpengetahuan.
- b. Berkebolehan berkomunikasi dengan baik.
- c. Perwatakan yang baik serta mesra dan boleh bekerjasama.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Risiko kepada keselamatan dan kesihatan terhadap jangkitan penyakit.

Sumber : Lampiran A Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2006.